

جباتن كحاكيمن شرعية مليسيا

DEPARTMENT OF SYARIAH JUDICIARY MALAYSIA
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

Aras 2 & 3, Blok D7, Parcel D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62677 PUTRAJAYA

TEL: 03-888 64800
FAKS: 03-888 91627

Y.A.A Ketua -Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah
Negeri-negeri

Arahan Amalan No. 3 Tahun 2007
Tatacara Pemohonan Semakan Kes Oleh Hakim

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil.1 Tahun 2007 pada 28hb. hingga 30 Rabiulawwal, 1428H bersamaan 16hb.- 18hb. April 2007M di Melaka dan pengesahan Mesyuarat Ketua-Ketua Hakim Syarie Negeri Seluruh Malaysia Kali Ke 42 pada 25 Jamadilawwal, 1428H bersamaan 11 Jun, 2007M telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerimapakai arahan amalan berhubung dengan pemohonan semakan kes oleh Hakim Bicara boleh dilakukan melalui surat kepada Pendaftar mengikut hirarki mahkamah berkenaan.

2. Kandungan surat tersebut hendaklah menyatakan antara lain butiran maklumat berkaitan perintah yang ingin disemak seperti tarikh dan jenis perintah, hirarki dan dewan mahkamah serta alasan permohonan semakan.

3. Surat permohonan tersebut hendaklah diserahkan kepada Mahkamah Atasan. Mahkamah yang menjalankan kuasa penyemakan boleh memanggil dan memeriksa mana-mana rekod atau prosiding tersebut dan boleh memberikan apa-apa arahan yang dikehendaki bagi maksud memuaskan hatinya tentang ketepatan, kesahan atau kewajaran perintah yang dikeluarkan dan tentang apa-apa ketakaturan mana-mana tatacara mahkamah.

4. Sekiranya Mahkamah yang menjalankan kuasa penyemakan berpuashati tiada kesilapan dalam keputusan yang dibuat, mahkamah yang menjalankan kuasa penyemakan hendaklah membuat surat makluman mengenainya seperti di Lampiran 1 kepada mahkamah asal yang membuat perintah dan memulangkan fail kes tersebut.

5. Sebaliknya, jika Mahkamah yang menjalankan kuasa penyemakan mendapati asas yang kukuh maka Mahkamah yang menjalankan kuasa penyemakan boleh menetapkan tarikh untuk menjalankan bidangkuasa semakan itu. Apabila Mahkamah yang menjalankan kuasa penyemakan memanggil rekod tentang apa-apa perkara atau prosiding, semua prosiding dalam mahkamah asal tentang perkara atau prosiding itu hendaklah digantung sementara.

6. Tiada pihak mempunyai apa-apa hak untuk didengar, sama ada sendiri atau Peguam Syariyenya, di hadapan mana-mana mahkamah yang menjalankan kuasa penyemakannya tetapi mahkamah itu boleh, jika difikirkan patut, membenarkan kehadiran pihak-pihak ke mahkamah untuk mendengar keterangan semakan oleh pihak-pihak atau melalui Peguam Syariyenya.

7. Apabila suatu kes disemak, mahkamah yang membuat penyemakan itu hendaklah memaklumkan keputusan atau perintahnya kepada mahkamah yang merekodkan atau menjatuhkan dapatan, hukuman atau perintah itu dengan menyatakan, jika dapatan hukuman atau perintah itu telah diubah, alasan bagi pengubahan itu; dan mahkamah yang kepadanya keputusan atau perintah itu dimaklumkan sedemikian hendaklah sesudah itu membuat apa-apa perintah sebagaimana yang diarahkan.

8. Arahan Amalan No. 5 Tahun 2004 berhubung Kehadiran Pihak-pihak dan Wakil Semasa Prosiding Semakan Kes Mal dan Arahan Amalan No. 13 Tahun 2003 berhubung Peraturan Semakan Kes Di Mahkamah Tinggi Syariah Atau Di Mahkamah Rayuan Syariah sepertimana di Lampiran 2 adalah berkaitan.

Arahan ini berkuatkuasa mulai 15 Jun 2007.

(Datuk Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.
PUTRAJAYA

LAMPIRAN 1

DALAM KAMAR HAKIM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH
NEGERI _____

SURAT KEPUTUSAN SEMAKAN KES
KES MAL BIL. _____

(*Arahan Amalan No. 3 Tahun 2007*)


Tuan Hakim,
Mahkamah Rendah Syariah Dewan _____
Negeri _____

SETELAH MAHKAMAH membuat semakan ke atas kes Mal Bil. _____
yang dipohon oleh Hakim Bicara _____ melalui surat
bertarikh _____, Mahkamah mendapati tiada sebarang
kesilapan dan ketakaturan berhubung keputusan kes berkenaan.

2. MAHKAMAH DENGAN ITU, memulangkan fail kes tersebut kepada tuan
untuk tindakan selanjutnya.

t.t.
(Hakim)

LAMPIRAN 2 (1)



جباتن كحاكيمن شرعية مليسيا

DEPARTMENT OF SYARIAH JUDICIARY MALAYSIA
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA

Aras 2 & 3, Blok D7, Parcel D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62677 PUTRAJAYA

TEL: 03-888 64800
FAKS: 03-888 91627

Ruj. Kami : JKSM/100-24/5(41)

Taqwim: 13 Jamadil Awwal, 1425H
Tarikh : 01 Julai, 2004M

Y.A.A Ketua -Ketua Hakim Syarie,
Mahkamah-mahkamah Syariah
Negeri-negeri

Arahan Amalan No. 5 Tahun 2004

**Kehadiran Pihak-Pihak dan Wakil Semasa
Prosiding Semakan Kes Mal**

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Arahan Amalan Mahkamah Syariah seluruh Malaysia Bil. 1 Tahun 2004 pada 8hb. – 9hb. Jun, 2004 bersamaan 19hb. – 20hb. Rabiulakhir, 1425H di Subang Jaya, Selangor telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai arahan amalan berhubung kehadiran pihak-pihak dan wakil masing-masing semasa prosiding semakan kes Mal bolehlah dibenarkan dan tertakluk kepada budi bicara Hakim.

Arahan ini berkuatkuasa mulai 8 Jun 2004.

(Datuk Sheikh Ghazali bin Abdul Rahman)
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia.